



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Laman Web : www.anm.gov.my

Rujukan kami: JANM.BPPP.500-6/6/4 (19)
Tarikh : 5 Mac 2019

Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Jabatan Negeri
Ketua Akauntan Kementerian
Bendahari / Akauntan Negeri
Ketua Agensi Badan Berkanun
Ketua Agensi Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan

PERSIDANGAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM KALI KE-8 TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dengan kerjasama Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI) akan menganjurkan Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali ke - 8 dengan tema '*Perakaunan Digital Memperkasa Organisasi*' seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 24 - 26 April 2019 (Rabu - Jumaat)

Tempat : Hotel Hatten, Melaka

3. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan dan membenarkan **Pembantu Akauntan** dan **Pembantu Tadbir (Kewangan)** di kementerian/ jabatan masing-masing untuk menyertai persidangan ini. Keutamaan adalah kepada **Ahli PERBAKTI**.

4. Permohonan untuk menyertai persidangan ini hendaklah dibuat secara **online** dengan melayari portal rasmi JANM di www.anm.gov.my **selepas mendapat**

kebenaran Ketua Jabatan masing-masing. Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 Mac 2019** dan permohonan ini adalah **terhad kepada 350 penyertaan** terawal sahaja.

5. Pengesahan penyertaan boleh disemak di portal rasmi JANM pada 6 April 2019. Tentative Program persidangan adalah seperti di **Lampiran A** dan Maklumat Penyertaan di **Lampiran B**.

6. Sebarang pertanyaan berkenaan persidangan ini bolehlah menghubungi sekretariat persidangan seperti berikut:

- i. Encik Mio Asni bin Hj. Mio Azlan
No. Tel: 03-8880 4504/ 012 6450240
- ii. Cik Ana Umil Husna bt Zulkifly
No. Tel: 03-8892 6135/012 4554791

Kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan dalam menjayakan persidangan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Globalisasi"



(JAFRIL BIN JUNIT C.A.(M))

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakuanan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k : Akauntan Negara Malaysia

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

**ATURCARA PROGRAM PERSIDANGAN
PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA
KALI KE 8 TAHUN 2019
HOTEL HATTEN, MELAKA**

Hari Pertama : 24 April 2019 (Rabu)	
02.00 – 05.00 ptg	Pendaftaran Peserta / <i>Check in</i> Penginapan
06.30 – 07.30 mlm	Makan Malam
08.00 – 08.30 mlm	Taklimat Koperasi (Tuan Haji Majib Bin Jusoh)
08.30 – 10.00 mlm	Sesi Mentor / Mentee JANM (Mesyuarat Agung Tahunan PERBAKTI)
Hari Kedua : 25 April 2019 (Khamis)	
07.00 – 08.30 pg	Sarapan Pagi
08.30 – 10.30 pg	Kertas 1 : Keusahawanan <i>(Nash Idrus-ApprenticeAsia)</i>
10.30 – 11.00 pg	Minum pagi
11.00 – 12.00 tgh	Majlis Perasmian Persidangan
12.00 – 01.00 ptg	Kertas 2 : Hala Tuju Skim Kami: Sesi Dialog Bersama Akauntan Negara Malaysia (YBhg. Datuk Saat bin Esa C.A(M))
01.00-2.15 ptg	Makan Tengah Hari
02.15 – 03.45 ptg	Kertas 3 : Transformasi JANM ke Arah Digital:

	Peranan Anda (Puan Fazyatun binti Mohamed Yahya C.A. (M))
03.45 – 05.00 ptg	Kertas 4 : Management Accounting (Dr. N Farahin binti Ali @ Ibrahim C.A (M))
05.00 – 05.30 ptg	Minum Petang
08.00 – 11.00 mlm	Majlis Makan Malam
Hari Ketiga : 28 April 2019 (Jumaat)	
07.00 – 08.30 pg	Sarapan Pagi
08.30 – 10.30 pg	Kertas 5 : <i>Happy</i> di Tempat Kerja (PU Azman)
10.30 – 11.00 pg	Minum Pagi
11.00 – 12.00 tgh	Majlis Penutupan Persidangan
12.00 – 01.00 ptg	Makan Tengahari / <i>Check-out</i>

MAKLUMAT PENYERTAAN

**PERSIDANGAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM AWAM KALI KE-8
TAHUN 2019**

1. Yuran penyertaan :
 - i) Pembantu Akauntan : RM 800 seorang
 - ii) Pembantu Tadbir (Kewangan) : RM 850 seorang
2. Penyertaan hanya terbuka kepada PEMBANTU AKAUNTAN dan PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) sahaja. Keutamaan kepada **Ahli PERBAKTI**.
3. Semua pembayaran hendaklah dibuat kepada :

Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI)

No Akaun : 105490002241
Nama Bank : Affin Islamic Bank Berhad
Cawangan : Putrajaya

4. Peserta yang berjaya akan dimaklumkan melalui portal rasmi JANM dan pembayaran hendaklah dibuat sama ada Pesanan Tempatan (LO) atau tunai semasa pendaftaran persidangan. Pembayaran hendaklah menggunakan alamat seperti di bawah:

**Bendahari Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia
(PERBAKTI)**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya

5. Pembatalan penyertaan tidak akan dilayan dan wang penyertaan tidak akan dikembalikan. Walau bagaimanapun pertukaran dengan pegawai lain dibenarkan.
6. Pengesahan penyertaan akan dimaklumkan secara *online* melalui portal rasmi JANM di www.anm.gov.my pada **6 April 2019**.

7. Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 Mac 2019** dan permohonan ini **adalah terhad kepada 350 penyertaan terawal sahaja.**